KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	NEW STRAITS TIMES			
TARIKH	:	08/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JPSM			

SH 8.12.2021_8

Tanaman sawit Malaysia tidak babit hutan simpan kekal

KUALA LUMPUR - Malaysia akan terus memastikan penanaman pokok kelapa sawit dilaksanakan secara mampan, termasuk larangan menanam di kawasan perhutanan kekal manakala keluasan kawasan penanaman dihadkan hanya 6.5 juta hektar di seluruh negara.



JACK SENG

Ketika menegaskan perkara itu, Timbalan Menteri Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Dr Wee Jeck Seng berkata, syarat itu bertujuan memastikan kualiti sawit yang dihasilkan adalah terjamin selain menangkis diskriminasi terhadap minyak sawit terutama daripada negara-negara Eropah.

"Kita tidak boleh tanam sawit di perhutanan kekal dan ini merupakan syarat di bawah Jabatan Perhutanan.

"Ini juga salah satu syarat bagi tujuan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang berkaitan dengan kualiti dan standard yang diguna pakai di seluruh negara," katanya pada sidang Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan tambahan daripada **Datuk Seri Ahmad Maslan (BN-Pontian)** yang bertanya mengapa penanaman sawit tidak dijadikan sebahagian daripada tanaman hutan agar Malaysia tidak terus dilabelkan sebagai membersihkan hutan bagi tujuan penanaman sawit.

Jeck Seng berkata, pensijilan MSPO juga bertujuan memastikan peningkatan produktiviti, hasil berkualiti dan akses lebih besar ke pasaran antarabangsa yang seterusnya dapat menyumbang kepada pendapatan lebih tinggi, terutama untuk kalangan pekebun kecil.

Kesatuan Eropah (EU) yang juga antara pengimport utama minyak sawit Malaysia, telah mensyaratkan hanya minyak sawit lestari dibenarkan memasuki pasaran Eropah.

Selain itu, menjawab soalan **Teresa Kok Suh Sim (PH-Seputeh)** mengenai kutipan dana diterima oleh Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia (MPOGCF), beliau berkata, badan itu telah menerima peruntukan RM8.02 juta setakat Julai lepas.

"Peruntukan ini digunakan bagi membiayai kos pengurusan selain program dan projek dilaksanakan di bawah MPOGCF.

"Daripada peruntukan itu, sebanyak RM726,708 telah dibelanjakan sehingga Ogos 2021 yang merangkumi projek Unit Penyelamat Hidupan Liar sebanyak RM722,476 iaitu masing-masing RM472,476 pada 2021 dan RM250,000 pada 2020.

"Perbelanjaan projek lain dibuat mengikut pencapaian dan kemajuan projek dari masa ke masa selaras dengan kebenaran pergerakan yang telah diberikan oleh kerajaan," kata beliau.

- Bernama